

# Balik ke Pulau

Ramai anak kota mungkin tidak sedar bahawa Singapura secara keseluruhan mempunyai lebih 70 pulau di perairannya. Puluhan tahun lalu, pulau-pulau itu didiami penduduk yang terpaksa berpindah ke tanah besar bagi memberi laluan kepada pembangunan dan perindustrian. Beberapa pulau kini hanya tinggal nama selepas ditambak dan digabungkan namun kisah dan sejarah mereka tidak harus dilupakan. Sempena pesta warisan 'Singapore HeritageFest' tahun ini, Lembaga Warisan Negara (NHB) menganjurkan pameran berjudul *Balik Pulau: Kisah-kisah dari Kepulauan Singapura di Muzium Negara Singapura*. Pameran itu memaparkan sejarah beberapa pulau di perairan Singapura dan pengalaman bekas penduduknya. Kenali pulau-pulau Singapura dengan lebih mendalam bersama wartawan Berita Harian, Nur Dhuha Esoof.



**PULAU SEMAKAU:** Bella dan kanak-kanak Pulau Semakau meraikan pembukaan balai rakyat di pulau itu pada 1963.



**PULAU SEKING:** Penduduk pulau melakukan tugas harian mereka sebelum dipindahkan ke tanah besar.

## Pulau Seking (Sakeng/Siking)

Pulau ini dinamakan sempena legenda wanita bernama Keng atau Yang Meleking. Wanita itu dikatakan menentang lanun, menyembuh orang sakit dan mengasas penduduk Pulau Seking.

Mula didiami sejak 1848 apabila seorang doktor bernama Robert Little menulis tentang 30 penduduknya yang bekerja sebagai pembuat perahu.

Terdapat lebih 500 penduduk di pulau Seking sekitar 1960-an dan 1970-an.

Penduduk dipindah ke tanah besar pada 1994.

Pulau Seking digabung dengan Pulau Semakau menjadi tapak pembuangan sampah.

## Pulau Semakau

Pulau ini pernah dikenali sebagai Pulau Bakau mungkin disebabkan oleh pokok bakau yang tumbuh subur di bahagian timur pulau.

Ia didiami seawal 1844 dan mempunyai 780 penduduk pada 1955.

Jumlah penduduk meningkat ke 1,600 pada 1969.

Penduduk terdiri daripada pekebun Cina dan petani Teochew serta orang Kepulauan Riau.

Pada 1976, pemerintah mengumumkan rancangan mengubah Pulau Semakau menjadi pangkalan marin dan limbungan kapal.

Penduduk dipindahkan ke tanah besar namun rancangan itu tidak dilaksanakan.

Pada 1995, Pulau Semakau digabungkan dengan Pulau Seking untuk membentuk tapak pembuangan sampah Semakau.

## Pulau St John's atau Pulau Sekijang Bendera

Sir Stamford Raffles berlabuh di pulau ini pada malam 28 Januari 1819 sebelum pertemuan bersejarahnya dengan Temenggong Abdul Rahman untuk membuka pelabuhan perdagangan di Singapura.

Pulau ini diketahui sejak 1604 apabila seorang penjelajah



**PULAU ST JOHN'S:** Diubah dari stesen kuarantin ke tempat peringinan dan perkhemahan.

Portugis menandakannya sebagai Siquijam di peta beliau.


Nama Siquijam dan St John's mungkin timbul akibat salah sebutan perkataan Sekijang, sejenis kijang.

Pulau ini dikenali sebagai Pulau Sekijang Bendera selepas tiang bendera dinaikkan.

Sebuah stesen kuarantin ditubuhkan di pulau ini pada 1874 untuk mengkuarantin pendatang dan jemaah yang pulang dari Makkah sehingga tahun 1960-an.

Pulau St John's kemudian ditukar menjadi pusat tahanan dan pemulihan dadah.

Ia diubah menjadi tempat peringinan dan perkhemahan pada 1976.



**PULAU SEKING:** Penduduk pulau melakukan tugas harian mereka sebelum dipindahkan ke tanah besar.

Sebuah pusat penyelidikan ditubuhkan di pulau ini pada 2002.

## Pulau Lazarus atau Pulau Sekijang Pelepar

Pulau ini terletak dekat timur Pulau St John's dan menjadi tempat persemadian pendatang yang meninggal dunia ketika dalam kuarantin di Pulau St John's.

Ia kemudian ditambak untuk mewujudkan pantai dan lagun buatan.

Pulau ini dihubungkan ke Pulau St John's sejak 2000.

## Pulau Kusu atau Pulau Tembakul

Ramai pelawat mengunjungi pulau ini semasa bulan lunar kesembilan sejak 1845 untuk bersembahyang dan meminta kekayaan daripada dewa Tua Pek Kong di kuil Cina dan di makam-makam di atas bukit.

Kusu bermakna kura-kura dalam bahasa Hokkien. Pulau ini dikatakan memperolehi namanya daripada legenda penyuh bergasi yang bertukar menjadi sebuah pulau untuk menyelamatkan mangsa bot karam.

Pulau Kusu juga mungkin mendapat namanya kerana bentuk asal pulau ini menyerupai seekor penyuh.

Ia turut dikenali sebagai Pulau Tembakul kerana terdapat banyak ikan tembakul antara batu-batu di pulau ini.


## Pulau Ubin

Pada 1980-an, pulau ini terdiri daripada perkampungan pantai, ladang getah dan kuari granit dengan sekitar 4,000 penduduk.

Pulau Ubin, yang turut dikenali sebagai Pulau Batu Jubin dan Chioh Sua yang

bermakna bukit batu dalam bahasa Hokkien, adalah sumber batu granit yang digunakan untuk membina rumah api dan Tambak Johor-Singapura.

Pulau ini, yang terletak di bahagian timur laut Singapura,



**PULAU UBIN:** Masih dikunjungi penduduk tanah besar yang ingin beriadah dan lari seketika daripada hiruk-piruk bandar.

adalah tapak habitat marin yang terdiri daripada bakau, dataran lumpur, rumput laut dan beberapa terumbu.

Kawasan habitat ini menjadi tempat tinggal siput gong-gong, timun laut, bintang laut berbonjol dan landak laut.

Pulau Ubin hari ini mempunyai kurang 100 penduduk.

## Pulau Brani

Pulau ini pernah menempatkan kampung di tepi laut, tapak stesen melombong batu arang, pusat tentera laut dan kilang peleburan timah.



**PULAU BRANI:** Penduduk mendirikan rumah di atas tiang dekat dengan laut agar mudah ke perahu masing-masing.

Penduduk dipindahkan ke tanah besar apabila pulau ini dikhususkan menjadi pangkalan tentera laut pada 1971.

Pulau Brani digunakan sebagai kemudahan pelabuhan sejak 1992.

## Pulau Bukom


Pada 1847, Pulau Bukom adalah tapak perkampungan Melayu yang menempatkan kira-kira 20 buah rumah.

Ia juga dikenali sebagai Pulau Air Tawar dan adalah tempat kapal-kapal berlabuh untuk menambah bekalan.

Pada 1891, Syarikat M. Samuel, yang kemudiannya menjadi Shell, memperolehi Pulau Bukom Besar untuk menyimpan minyak dan minyak tanah. Shell berkembang ke Pulau Bukom Kecil pada 1969 sebelum ke Pulau Ular dan Pulau Busing.

Pulau di luar Jurong seperti Pulau Semulun, Pulau Ayer Merbau dan Pulau Ayer Chawan turut diubah menjadi tapak perindustrian pada tahun 1960-an.

Pada 1990-an, pemerintah menambak keseluruhan kepulauan Ayer Chawan yang terdiri daripada sekitar 12



**PEMANDANGAN SEKITAR 1900:** Rumah-rumah kampung di Pulau Brani didirikan di tepi laut dan di atas air. Di belakang ialah Pulau Blakang Mati, kini dikenali sebagai Sentosa.

pulau ke Pulau Jurong untuk dijadikan pusat petrokimia baru yang dirasmikan pada 2000.

## Pulau Tekong

Pulau semula jadi terbesar di Singapura ini pernah didiami kira-kira 3,000 orang, kebanyakannya terdiri daripada petani Cina, penanam getah dan pendatang dari Pahang.

Penduduk Pulau Tekong terpaksa berpindah ke tanah besar apabila keseluruhan pulau ini dijadikan kawasan latihan tentera pada 1984.

Pulau lain yang turut ditetapkan sebagai kawasan latihan tentera pada 1980-an ialah Pulau Senang, Pulau Pawai dan Pulau Sudong.

## Pulau Damar Laut

Pulau di luar Jurong ini pernah dimiliki Ong Tiang Wee, anak hartawan Ong Boon Tat yang menubuhkan Taman Hiburan New World bersama adiknya.

Rumah percutian dengan nama-nama seperti Passion Pit dan Wine House pernah menghiasi pulau ini pada 1960-an.

Pulau ini turut didiami nelayan yang sering bertanding dalam perlumbaan kolek.

Dengan proses perindustrian, Pulau Damar Laut dan pulau-pulau sekitarnya ditambak ke Pulau Jurong dan diubah menjadi pusat kemudahan pelabuhan dan simen.

## Pulau Serangoon

Pulau yang terletak dekat Tanjung Punggol ini dimiliki dua beradik lelaki Aw yang

terkenal dek Haw Par Villa. Pada 1950, hak milik pulau ini bertukar tangan di kalangan beberapa usahawan yang ingin membangunkannya sebagai 'Coney Island' versi Singapura.

## Pulau Blakang Mati

Nama Pulau Blakang Mati telah wujud sejak 1604 dan hari ini dikenali sebagai Sentosa.

Ia digunakan oleh pihak tentera dari 1880-an sehingga akhir tahun 1960-an apabila ia hampir ditukar menjadi tapak perindustrian. Pemerintah akhirnya membangunkan pulau ini sebagai pusat peranginan dan menukar namanya ke Sentosa pada 1970. Tidak jauh dari Sentosa terletak Pulau Selegu yang pada 1967 dijadikan sebuah pulau hiburan yang diberi nama Sarong Island.

Pulau ini ditebus guna pada 1971 bagi pembinaan tapak menara sistem kereta kabel Sentosa.

Pulau ini ditebus guna pada 1971 bagi pembinaan tapak menara sistem kereta kabel Sentosa.

## Pulau Hantu

Pulau Hantu, yang terdiri daripada dua pulau kecil yang tidak didiami iaitu Pulau Hantu Besar dan Pulau Hantu Kecil, terletak di selatan Pulau Bukom.

Kunjungi pameran Balik Pulau: Kisah-kisah dari Kepulauan Singapura untuk mengetahui lebih lanjut tentang pulau-pulau di perairan Singapura. Wawancara video, gambar-gambar lama dan artefak seperti kolek sauh dari Pulau Seraya turut dipaparkan di pameran yang diadakan di Galeri Stamford Muzium Nasional Singapura itu. Pameran dibuka kepada orang ramai dari 10 pagi hingga 6 petang setiap hari sehingga 10 Ogos ini. Masuk percuma.



**PULAU SUDONG:** Kanak-kanak kampung bergambar di tepi pantai.

